

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-601 BIL.7/2024
26 JULAI 2024**

1) PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik satu (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai tersebut adalah Encik Muhamad Nidzam bin Ibrahim sebagai Pegawai Teknologi Maklumat (F41). Penempatan beliau di Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Pelantikan pegawai adalah berkuatkuasa pada 1 Julai 2024. Berkelulusan Sarjana Muda Sains Komputer daripada Universiti Teknologi Mara.

2) PELAKSANAAN PENGASINGAN SISA DI PUNCA OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Dimaklumkan bahawa **Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang** bermula pada tahun 2016. Walau bagaimanapun pelaksanaan dasar ini telah diaktifkan semula mulai **1 Julai 2024**.

Berikut adalah merupakan kaedah pengasingan sisa di punca iaitu:

- Perumahan bertanah bukan strata - sisa kitar semula diasing dan diletakkan di sebelah tong sampah sebelum jam 8.00 pagi dan kutipan akan bermula jam 8.00 pagi sehingga 4.00 petang.

- Perumahan berstrata- Di uruskan oleh pihak pengurusan.
- Perumahan kampung - Sisa kitar semula boleh dihantar ke pusat-pusat kitar semula komuniti

Saya ingin mewar-warkan bahawa kesalahan tidak mengasingkan sampah boleh dikenakan kompaun maksimum RM500. Selain itu, denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai agar mengamalkan pengasingan sisa di punca bermula dari kediaman/premis anda.

3) PROMOSI CABUTAN BERTUAH BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2024 MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI

Adalah dimaklumkan bahawa MBSP telah menerima tajaan ASPIRE Seberang Perai untuk **PROMOSI CABUTAN BERTUAH BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2024 MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** yang telah bermula pada **1 Julai 2024 hingga 31 Ogos 2024**. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) melalui **ASPIRE SEBERANG PERAI sahaja**. Pembayar cukai yang membuat bayaran melalui ASPIRE Seberang Perai juga layak untuk hadiah cabutan bertuah yang disediakan oleh MBSP.

Sebanyak **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** telah ditaja oleh ASPIRE Seberang perai dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	LEM Folding Bike
Tempat Ke-2	LEM e-BIKE with Paddle
Tempat Ke-3	Electric Scooter

Saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda menyertai cabutan bertuah ini.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my

4) KEMPEN PENGURUSAN ANJING TERBIAR 2024

Kempen Pengurusan Anjing Terbiar 2024 akan dianjurkan pada 28 Julai 2024 (Ahad) bertempat di Dewan Komuniti Machang Bubok. Kempen ini akan berlangsung dari jam 10.00 pagi sehingga 4.00 petang.

Kempen ini adalah satu kempen di bawah inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan peruntukan sebanyak RM 15,000.00 diberikan kepada setiap PBT yang terlibat.

Tujuan kempen dianjurkan adalah bagi:

- Memberi kesedaran dan pendedahan masyarakat dalam pengurusan anjing terbiar.
- Mempromosi pelesenan anjing MBSP.
- Berkongsi tentang kepentingan pemandulan haiwan kesayangan.
- Menghargai jasa baik pihak Badan Bukan Kerajaan (non-governmental organization NGO) dalam keterlibatan bersama MBSP menangani aduan anjing liar
- Menerapkan konsep *Community Owned Dog* dalam pengawalan populasi dan pengurusan haiwan terbiar jangka panjang.

Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik yang dirancang, antaranya adalah:

- *Dog Gathering.*
- *Dog Fashion Show*
- Perkongsian cara pengurusan Haiwan Kesayangan serta kepentingan pemandulan haiwan kesayangan
- Pelesenan anjing MBSP
- Pendaftaran Pemandulan Bersubsidi
- Jualan vendor haiwan kesayangan

Orang ramai adalah dijemput bagi memeriahkan lagi kempen ini.

5) PROGRAM PENDIDIKAN KESEDARAN KOMUNITI BERSTRATA - "CELIK STRATA 2024"

Untuk makluman, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP, akan melaksanakan Program Pendidikan Kesedaran Komuniti Berstrata - "Celik Strata 2024". Selain itu, program ini juga akan melibatkan program-program berkenaan hebahan Pengasingan Sisa Di Punca dan juga pelaksanaan LA21 di Skim Strata.

Tarikh cadangan Program Celik Strata 2024 adalah pada 28 Julai 2024 (Ahad) bermula jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang, bertempat di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth.

Objektif utama program ini diadakan adalah seperti berikut:

- 2.1 Mendidik semua golongan tentang pemahaman asas perundangan dan tanggungjawab pengurusan strata.
- 2.2 Memberi pendedahan tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran yang betul mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
- 2.3 Membantu mewujudkan pengurusan yang lebih baik.
- 2.4 Mewujudkan keseragaman pematuhan undang-undang dan dasar berkaitan penyenggaraan dan pengurusan berstrata mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

2.5 Memberi pemahaman kepada pihak berkaitan untuk mentadbir dan mewujudkan persekitaran yang harmoni dan selesa serta selamat didiami.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan program ini, boleh hubungi Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSP di talian **04-5497789 / 787**

6) SAMBUTAN HARI WARISAN SEBERANG PERAI 2024

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan Sambutan Hari Warisan Seberang Perai 2024 pada 17 Ogos 2024 (Sabtu) di Upcycle Park, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah bermula jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang.

Hari Warisan Seberang Perai merupakan kolaborasi program bersama *stakeholders* dalam memperkasakan *tangible & intangible heritage product* di Seberang Perai. Pelbagai pengisian menarik bakal dibawakan kepada warga Seberang Perai antaranya adalah pertandingan permainan dan sukan rakyat seperti sepak raga, tarik upih, tuju tin, lari dalam guni, congkak, tapak gajah, lompat getah dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga aktiviti zumba, pertandingan mewarna kanak-kanak, demo masakan tradisional dan sesi libat urus bagi variasi inventori warisan ketara di Seberang Perai akan diadakan pada hari tersebut.

Program yang mengetengahkan konsep mesra keluarga dan masyarakat ini adalah selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Majlis Bandaraya

Seberang Perai mengharapkan program ini akan menjadi pemangkin kepada komuniti dalam melestarikan warisan budaya di Seberang Perai khususnya dan negeri Pulau Pinang secara amnya.

7) SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-67 TAHUN 2024

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-67 pada 31 Ogos 2024 (Sabtu) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut adalah hari kelepasan am.

Tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini, **Malaysia Madani: Jiwa Merdeka** yang menjelaskan konsep utama dan nilai-nilai yang dipegang oleh Malaysia dalam mencapai kemajuan dan kesejahteraan negara.

8) PENGANJURAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL (BFF) TAHUN 2024

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan penganjuran *Butterworth Fringe Festival* (BFF) bagi tahun ke-8 pada 14 dan 15 September 2024 (Sabtu - Ahad) bermula jam 5.00 petang sehingga 11.00 malam di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth.

Pengisian BFF yang berteraskan asimilasi budaya tempatan dan antarabangsa yang bakal dipersembahkan secara PERCUMA kepada semua pastinya menjanjikan kelainan sepanjang festival ini berlangsung.

BFF adalah salah satu platform dalam memangkin inisiatif *Local Economic Development* (LED) dan merupakan usaha untuk memajukan industri pelancongan di Seberang Perai secara khasnya dan negeri Pulau Pinang secara amnya.

Seluruh warga Seberang Perai dijemput hadir!

Sekian, terima kasih.